



12 Ogos 2016
12 August 2016
P.U. (A) 222

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN) (NO. 2) 2016

FARMERS' ORGANIZATION (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERTUBUHAN PELADANG 1973

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN) (NO. 2) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang 1973 [*Akta 109*], Lembaga Pertubuhan Peladang, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) (No.2) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 29 Januari 2016.

Pindaan peraturan 35

2. Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 [*P.U. (A) 303/1983*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam perenggan 35(1)(c) dengan menggantikan perkataan “empat” dengan perkataan “enam”.

Penerusan pemegangan jawatan

3. (1) Walau apa pun perenggan 3(a) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2016 [*P.U. (A) 17/2016*], ahli Jemaah Pengarah yang dilantik oleh Menteri di bawah perenggan 35(3)(c) Peraturan-Peraturan ibu pada 28 Januari 2016 sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2016 hendaklah, apabila Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa, disifatkan telah dilantik dengan sewajarnya dan terus memegang jawatan sehingga tamat tempoh yang ditentukan oleh Menteri bagi pelantikan itu.

(2) Apa-apa perbuatan yang dilakukan, tindakan yang diambil atau keputusan yang dibuat oleh ahli Jemaah Pengarah yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah disifatkan sah dan boleh diteruskan dengan sewajarnya oleh ahli Jemaah Pengarah.